

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**SOALAN : 51**

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah jaminan yang boleh diberikan oleh pihak Kementerian dalam memastikan Cawangan Khas (Special Branch) Polis DiRaja Malaysia bebas dan tidak terikat dalam membantu gerak kerja mana-mana parti politik di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah sebuah agensi penguatkuasaan dan keselamatan yang profesional dalam menjalankan tugas mengikut kuasa yang diperuntukkan di bawah undang-undang terutamanya Akta Polis 1967. Cawangan Khas yang merupakan salah satu bahagian dalam PDRM telah ditubuhkan oleh kerajaan bertujuan untuk mengumpulkan maklumat risikan keselamatan dalam negeri yang berkaitan dengan aktiviti subversif, penyuluhan, sabotaj atau mana-mana percubaan untuk melakukan aktiviti berkenaan. Tugasan ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 3(3) Akta Polis 1967. Maklumat-maklumat risikan keselamatan akan disalurkan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan dan akan digunakan sebaiknya di dalam pembuatan keputusan demi menjamin keselamatan negara daripada sebarang bentuk ancaman sama ada dari dalaman mahupun luaran.

Dibawah era Malaysia baru, Kementerian mengambil maklum atas segala dakwaan yang terdahulu bahawa Cawangan Khas atau Jabatan di bawah PDRM telah disalahgunakan oleh pihak berkepentingan untuk tujuan tertentu. Kementerian memberi jaminan bahawa perkara tersebut tidak akan berlaku dan dibenarkan atas apa alasan sekalipun.